



**INTERNATIONAL JOURNAL OF
MODERN EDUCATION
(IJMOE)**

www.ijmoe.com



PENDIDIKAN INKLUSIF PELAJAR KURANG UPAYA (PKU) DI INSTITUT PENGAJIAN TINGGI: TINJAUAN PUSTAKA

*INCLUSIVE EDUCATION FOR STUDENTS WITH DISABILITIES (SWD) IN
HIGHER EDUCATION INSTITUTIONS: A LITERATURE REVIEW*

M.Z. Mohd Zin^{1*}, Muhammad Hakimi Tew Abdullah², M.M. Zabidi³, R. D. Othman⁴

¹ Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi MARA, Sarawak, Kota Samarahan Campus, Malaysia

Email: mohamadzaid@uitm.edu.my

² Communication and Media Studies, College of Computing, Informatics and Media, Universiti Teknologi MARA, Negeri Sembilan, Rembau Campus, Malaysia

Email: muhammad_hakimi@uitm.edu.my

³ Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi MARA, Shah Alam

Email: mahfuzah3051@uitm.edu.my

⁴ Universiti Teknologi MARA, Melaka, Lendu Campus

Email: diana067@uitm.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 31.07.2023

Revised date: 12.08.2023

Accepted date: 10.09.2023

Published date: 19.09.2023

To cite this document:

Mohd Zin, M. Z., Abdullah, M. H. T., Zabidi, M. M., & Othman, R. D. (2023). Pendidikan Inklusif Pelajar Kurang Upaya (PKU) Di Institut Pengajian Tinggi: Tinjauan Pustaka. *International Journal of Modern Education*, 5 (18), 90-102.

Abstrak:

Golongan OKU seringkali menjadi kumpulan minoriti dalam masyarakat awam dan keperluan khas mereka kerap tidak didengari, begitu juga dalam bidang pendidikan. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti sokongan yang diterima serta cabaran yang dihadapi oleh PKU di sesebuah institusi IPTA di Malaysia dalam menjalani pendidikan inklusif. Isu yang akan menjadi tumpuan adalah yang berkaitan sokongan kemudahan dan infrastruktur, sokongan program pengajaran dan pembelajaran serta sokongan elemen emosi dan motivasi dalam menjalani pendidikan inklusif di IPTA. Sumber data adalah data primer dengan kaedah pengumpulan data yaitu dengan menemu bual 10 orang PKU yang berdaftar dengan UPO. Berdasarkan hasil temu bual akan ditemukan cabaran yang dihadapi oleh PKU di IPTA, potensi dan halatuju masa depan PKU serta sokongan yang diperlukan oleh mereka demi mencapai kejayaan di IPTA. Disarankan supaya kajian serupa turut dijalankan di semua IPTA dan juga IPT swasta dengan melibatkan semua golongan PKU dari pelbagai kategori. Hal ini demikian demi memastikan hak dan keperluan semua PKU dapat dilaksanakan. Hasil kajian ini diharapkan dapat menyalurkan

DOI: 10.35631/IJMOE.518007**This work is licensed under CC BY 4.0**

maklumat mengenai sokongan yang diterima PKU di UiTM untuk menjadi contoh kepada IPTA lain di samping mengenalpasti cabaran yang dihadapi agar usaha ke arah penyelesaian masalah tersebut dapat segera dilaksanakan.

Kata Kunci:

Cabaran, Pendidikan Inklusif, Potensi, Sokongan

Abstract:

People with disabilities are often a minority group in public society and their special needs are often not heard, as well as in the field of education. This study aims to identify the support received as well as the challenges faced by PKU in an IPTA institution in Malaysia in undergoing inclusive education. Issues that will be focused on are related to facility and infrastructure support, teaching and learning program support as well as emotional and motivational element support in undergoing inclusive education at IPTA. The data source is primary data with a data collection method that is by interviewing 10 PKU people registered with UPO. Based on the interview results, it will be found the challenges faced by PKU in IPTA, the potential and future direction of PKU as well as the support they need in order to achieve success in IPTA. It is recommended that a similar study be carried out in all IPTAs and also private IPTs involving all PKU groups from various categories. This is to ensure that the rights and needs of all PKU can be implemented. The results of this study are expected to channel information about the support received by PKU at UiTM to be an example to other IPTAs in addition to identifying the challenges faced so that efforts towards solving the problem can be implemented immediately.

Keywords:

Challenges, Inclusive Education, Potential, Support

Pengenalan

Golongan orang kurang upaya (OKU) seringkali menjadi kumpulan minoriti dalam masyarakat awam dan keperluan khas mereka kerap tidak didengari, begitu juga dalam bidang pendidikan. Terdapat banyak kajian yang bersetuju bahawa sikap negatif terhadap OKU masih lagi wujud disebabkan oleh mitos dan stereotaip buruk yang melahirkan sikap prejedis terhadap golongan ini. Hal ini dapat dilihat dalam bentuk sikap dan tingkah laku negatif terhadap mereka sama ada dalam konteks sosial, pendidikan mahupun vokasional. Sikap penolakan sosial oleh masyarakat umum serta jangkauan sosial yang tinggi terhadap golongan OKU menjadi salah satu punca utama tekanan dalam kalangan OKU. Chubbon (1992) menyatakan bahawa jalan penyelesaian bagi mengubah sikap negatif terhadap (OKU) adalah dengan cara memahami sikap negatif tersebut (Toran, Mohamad, Yasin, Tahar, & Hamzah, 2010).

Kejayaan OKU di peringkat pengajian tinggi akan memberikan impak sepanjang hidup ke atas keupayaan berdikari bagi mereka. Melalui pengajian tinggi, mereka berpeluang untuk meningkatkan ilmu, memperkembangkan kemahiran sosial, memperolehi kelayakan akademik dan berpeluang untuk menjana minda. Semua pengalaman ini adalah penting demi memperkasa golongan ini (Toran , Yasin, Tahar, & Sujak, 2009). Sehubungan itu, penekanan

terhadap pengiktirafan hak-hak OKU menjadi sebuah sorotan. Hal ini telah mendorong Malaysia agar bersetuju untuk menandatangani *Proclamation on the Full Participation and Equality of People with Disabilities in the Asia and Pacific Region* pada 16 Mei 1994. Peristiwa ini telah membawa kepada pewartaan Akta OKU 2008 yang memastikan akses dan peluang untuk melanjutkan pendidikan tinggi buat golongan OKU (Tahir, Thambapillay, Yusoff, & Rahman, 2020).

Program pendidikan secara formal untuk pelajar kurang upaya (PKU) di Malaysia bermula pada tahun 1980-an. Kesungguhan pihak kerajaan ke arah usaha ini dapat dilihat melalui enrolmen jumlah mahasiswa/mahasiswi berkeperluan khas yang memasuki Institut Pengajian Awam (IPTA) (Saadi & Ali, 2008). Terdapat peningkatan pada data daripada Perangkaan Pendidikan Tinggi Malaysia yang menunjukkan jumlah enrolmen PKU yang mendaftar di IPTA dari tahun 2009 sehingga 2016 (Nasir & Efendi, 2020). Peningkatan enrolmen PKU di IPT pasca menengah pula semakin meningkat berikutan kecenderungan kerajaan dalam menggubal perundangan hak sivil, inovasi teknikal dan perkhidmatan sokongan di universiti (Leyser & Greenberger, 2008).

Walau bagaimanapun, dapatan hasil kajian ke atas pengalaman pelajar-pelajar kurang upaya di institusi pengajian tinggi menunjukkan bahawa mereka sering menghadapi halangan sewaktu pengajian dan mendapat keputusan yang rendah di akhir pengajian walaupun mempunyai kelayakan yang setaraf dengan pelajar-pelajar lain sewaktu mendaftarkan diri ke universiti. Walaupun enrolmen kemasukan PKU ke IPTA sudah berlangsung sejak sekian lama, namun peratusan pertambahan enrolmen setiap tahunnya masih jauh ketinggalan daripada ekspektasi. Statistik yang dipetik oleh Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) menyebut bahawa golongan OKU merupakan antara golongan yang masih rendah enrolmennya jika dibandingkan dengan keseluruhan enrolmen di peringkat pengajian tinggi (Toran , Yasin, Tahar, & Sujak, 2009).

Justeru, kajian ini bertujuan untuk untuk mengenal pasti sokongan yang diterima serta cabaran yang dihadapi oleh PKU di sesebuah institusi pengajian tinggi awam (IPTA) di Malaysia. Keadaan PKU di IPTA sebagai golongan minoriti dilihat wajar untuk diberi perhatian berikutan keperluan khas mereka untuk ditindaklajuti oleh pihak berkuasa.

Tinjauan Pustaka

Terdapat empat tajuk utama yang akan dibincangkan di bahagian tinjauan pustaka. Tajuk-tajuk tersebut termasuklah Pelajar Kurang Upaya, Permasalahan dan Cabaran yang Dihadapi Pelajar Kurang Upaya, Peranan Agama terhadap Pelajar Kurang Upaya serta Peranan dan Sokongan Kerajaan serta Agensi Berkaitan.

Pelajar Kurang Upaya

Berdasarkan Pelan Tindakan Orang Kurang Upaya 2016-2022, OKU didefinisikan sebagai "... seseorang yang mempunyai ketidakupayaan jangka masa panjang dari segi fizikal, mental, intelektual atau pancaindera yang apabila berhadapan dengan pelbagai halangan mungkin tidak dapat melibatkan diri sepenuhnya dan secara efektif dalam masyarakat". Menurut Akta OKU 2008 pula, OKU didefinisikan sebagai "... termasuklah mereka yang mempunyai kekurangan jangka panjang fizikal, mental, intelektual atau deria yang apabila berinteraksi dengan pelbagai halangan, boleh menyekat penyertaan penuh dan berkesan mereka dalam Masyarakat" (Tahir, Thambapillay, Yusoff, & Rahman, 2020) (Rafi, 2021).

Tahir et al. (2020) menyatakan bahwa penekanan terhadap pengiktirafan hak-hak OKU telah mendorong Malaysia agar bersetuju untuk menandatangani *Proclamation on the Full Participation and Equality of People with Disabilities in the Asia and Pacific Region* pada 16 Mei 1994. Peristiwa ini telah membawa kepada pewartaan Akta OKU 2008 yang memastikan akses dan peluang untuk melanjutkan pendidikan tinggi buat golongan OKU.

Program pendidikan secara formal untuk PKU di Malaysia bermula pada tahun 1980-an. Penyediaan pendidikan berkualiti tinggi bagi PKU pada masa itu mula dianggap sebagai keutamaan pendidikan sehingga Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dilaporkan memberi akreditasi pertama dalam Pendidikan Khas di peringkat ijazah pada tahun 1996 (Khairuddin, Salleh, & Amin, Supporting Students with Autism in Tertiary Education: Malaysian Lecturers' Views and Experiences, 2020).

Kesungguhan pihak kerajaan dalam usaha ini dapat dilihat melalui enrolmen jumlah mahasiswa/mahasiswi berkeperluan khas yang memasuki IPTA (Saadi & Ali, 2008). Data daripada Perangkaan Pendidikan Tinggi Malaysia menunjukkan pada tahun 2009, seramai 979 orang PKU yang mendaftar di IPTA. Seterusnya diikuti seramai 1115 orang pada tahun 2010. Kemudian, pada tahun 2011 seramai 1221 orang dan tahun 2012 seramai 1372 orang. Pada tahun 2013, peningkatan jumlah pendaftaran menjadi seramai 1572 orang dan 1742 orang bagi tahun 2014. Pendaftaran pada tahun 2015 adalah seramai 1930 orang dan menjadi 2444 orang pada tahun 2016 (Nasir & Efendi, 2020).

Jadual 1: Trend Kemasukan PKU ke Universiti dari Tahun 2009 hingga 2016

| Tahun | Bilangan Pendaftaran PKU (orang) |
|-------|----------------------------------|
| 2009 | 979 |
| 2010 | 1115 |
| 2011 | 1221 |
| 2012 | 1372 |
| 2013 | 1572 |
| 2014 | 1742 |
| 2015 | 1930 |
| 2016 | 2444 |

Sumber: (Nasir & Efendi, 2020)

Di Malaysia, kebijakan individu OKU terletak di bawah tanggungjawab Kementerian Pendidikan Malaysia, Kementerian Pengajian Tinggi dan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (Khairuddin, Salleh, & Amin, Supporting Students with Autism in Tertiary Education: Malaysian Lecturers' Views and Experiences, 2020). Akta Orang Kurang Upaya 2008 yang telah diwartakan pada 24 Januari 2008 dengan jelas menyatakan bahawa individu kurang upaya tidak boleh dikecualikan daripada menerima pendidikan atas alasan ketidakupayaan yang dialami oleh mereka. Golongan kurang upaya ini berhak menerima pendidikan prasekolah, rendah, menengah, tinggi, latihan vokasional dan pembelajaran sepanjang hayat (Sabri, Rosli, & Takril, 2018) (Anuar, Aren, Ghazali, Aden, & Yahya, 2018). PKU telah diiktiraf sebagai golongan berisiko di peringkat pendidikan yang lebih tinggi dan diskriminasi atas dasar ketidakupayaan perlu dibanters. Oleh itu, kerajaan Malaysia komited untuk menghapuskan diskriminasi terhadap golongan kurang upaya dan berusaha untuk memastikan 75% daripada semua kanak-kanak kurang upaya dimasukkan ke sekolah arus perdana menjelang tahun 2025 sebagai respon kepada trend global untuk menggalakkan

pendidikan yang seksama dan inklusif (Khairuddin, The Inclusion of Deaf Children in Malaysian Primary Schools: Experiences of Parents, Staff Members and Children, 2018). Hal ini sejajar dengan undang-undang Malaysia yang berkaitan dengan dasar pendidikan termasuklah Akta Pendidikan 1996 (1998) dan Pelan Tindakan Pendidikan Malaysia (2013-2025). Pada tahun 2010, Kerajaan Malaysia menandatangani dan mengesahkan Konvensyen Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu mengenai Hak Orang Kurang Upaya (UNCRPD) yang menyatakan bahawa kanak-kanak dan OKU mempunyai hak untuk mengakses “*pendidikan rendah yang inklusif, berkualiti dan percuma dan pendidikan menengah atas asas yang sama dengan orang lain dalam komuniti di tempat mereka tinggal*” (United Nations, 2006, Article 24 dalam Khairuddin, K.F, 2018).

Permasalahan dan Cabaran yang Dihadapi Pelajar Kurang Upaya

Tan et al., (2019) menyatakan walaupun ekuiti pendidikan tinggi di Malaysia meningkat dan akses PKU dalam pendidikan tinggi bertambah baik, namun ia masih menjadi sebuah keimbangan. Hal ini kerana enrolmen pelajar normal dalam sektor awam meningkat lebih 30,000 pelajar dalam tempoh lima tahun, dari tahun 2011 hingga 2015. Walau bagaimanapun, tiada magnitud peningkatan yang sama berlaku dalam enrolmen PKU di institusi ini. Enrolmen PKU meningkat hanya lebih sedikit daripada 700 pelajar untuk tempoh masa yang sama di mana peratusan jumlah pendaftaran mereka hanya meningkat hampir 0.15%. Kenyataan ini seiring dengan dapatan Khairuddin (2018) yang menyatakan bahawa PKU terpaksa menghadapi cabaran semasa kemasukan, mempunyai prestasi akademik yang lebih rendah dan lebih berisiko untuk berhenti daripada pendidikan tinggi (Tan, Abdullah, & Shuib, 2019).

Di samping itu, sungguhpun terdapat peningkatan akses dan sokongan, tetapi sebilangan besar PKU memerlukan masa yang lebih lama untuk menamatkan pengajian mereka (Erten, 2011) (Rafi, 2021). Hal ini membuktikan bahawa PKU memerlukan program latihan dan sokongan daripada institusi yang terlibat agar golongan ini kekal bermotivasi (Lombardi, Murray, & Gerdes, 2012). Dapatan Toran et al. (2009) menunjukkan pengalaman PKU di institusi pengajian tinggi yang sering menghadapi halangan sewaktu pengajian dan mendapat keputusan yang rendah di akhir pengajian walaupun mempunyai kelayakan yang setaraf dengan pelajar-pelajar lain sewaktu mendaftarkan diri ke universiti. Kenyataan ini menjadi salah satu faktor utama yang mengekalkan OKU dalam penyisihan sosial dan kemiskinan iaitu ketidakbolehcapaian mereka kepada pendidikan khususnya peluang melanjutkan pendidikan tinggi yang merupakan prasyarat untuk mendapatkan pekerjaan yang baik (Tan, Abdullah, & Shuib, 2019). (Toran , Yasin, Tahar, & Sujak, 2009)

Masalah yang senada turut dikaji oleh Heiman (2006) yang menilai perbezaan dari segi persepsi sokongan sosial, tekanan dan kesepadan di antara 191 pelajar universiti bermasalah pembelajaran dengan 190 pelajar tanpa masalah pembelajaran (Heiman, 2006). Heiman (2006) dan Rafi (2021) dalam kajiannya turut mengkaji persepsi pelajar mengenai kejayaan akademik di universiti. Hasil kajian menunjukkan bahawa pelajar bermasalah pembelajaran menganggap mereka kurang mendapat sokongan sosial berbanding pelajar tanpa masalah pembelajaran.

Isu sosial dan emosi PKU perlu diambil perhatian oleh semua pihak kerana hal ini akan mempengaruhi semangat dan pengalaman PKU sepanjang menuntut ilmu di IPT. McGrath (2010) menggalakkan pelajar secara terbuka mendefinisi diri mereka sendiri dengan cara meminta pelajar menulis apa yang dimaksudkan dengan “kecacatan” kepada mereka. Ianya adalah sebagai “ice-breaking” dan usaha untuk membolehkan pelajar melihat bahawa

pemahaman tentang ketidakupayaan sememangnya sama seperti pelajar lain dalam kelas. Beliau juga menyatakan kaedah ini memberi peluang kepada mereka untuk membangkitkan minat pelajar tentang ilmu pengetahuan dan pemahaman berkenaan isu “ketidakupayaan”. Golongan PKU tidak seharusnya dilihat sebagai sesuatu yang aneh, sebaliknya mereka perlu diberi peluang untuk mencungkil bakat sepanjang proses menuntut ilmu. Kementerian Pelajaran Malaysia melalui Bahagian Pendidikan Khas meletakkan misi Pendidikan Khas iaitu *“menyediakan perkhidmatan yang berkualiti kepada murid-murid dengan keperluan khas bagi membolehkan mereka menjadi insan yang berdikari, berjaya dalam kehidupan, serta berupaya menyumbang ke arah pembangunan masyarakat dan negara Malaysia”* (Ahmad S. M., 2006). PKU tidak seharusnya disisihkan daripada arus pembelajaran nasional kerana ada dalam kalangan mereka yang mempunyai kecerdasan setanding dengan pelajar yang normal malah kadang kala melebihi mereka.

Seterusnya, Gibson (2014) dalam kajiannya menunjukkan hasil bahawa akses kepada sumber latihan dan sokongan di universiti adalah tidak mencukupi (Gibson, 2014). Terdapat kekurangan yang ketara dalam sistem infrastruktur mesra OKU bagi menyokong keperluan mereka. Hasil kajian mendapati kemudahan OKU yang terdapat di setiap bangunan, terutamanya di universiti masih belum mencukupi (Ahmad, Rosli, Takril, & Sabri, 2017) (Chan, Yusof, Saad, Ramli, & Hillaluddin, 2022).

Kehidupan di kampus melibatkan cabaran untuk menyesuaikan diri dalam persekitaran, suasana bilik kuliah dan penempatan asrama. Kehidupan kampus mungkin merupakan pengalaman pertama PKU bergaul dengan rakan sebaya yang normal dan memerlukan tempoh masa untuk berintegrasi dengan orang lain di kampus. Juster, fasiliti dan persekitaran kampus perlu “mesra” PKU bagi memudahkan golongan ini berdikari seperti warga kampus yang lain. Rosli & Sabri (2017) menegaskan bahawa persekitaran yang disediakan oleh pihak universiti perlu menepati garis panduan yang telah ditetapkan oleh *Standards & Industrial Research Institute of Malaysia (SIRIM)* serta Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan bagi memenuhi prospek kemudahan seperti yang dituntut oleh PKU, menjamin keselamatan serta mengurus kebijakan PKU di pusat pengajian tinggi Malaysia (Rosli & Sabri, 2017).

Dapatkan keseluruhan Chan et al. (2022) pula menunjukkan bahawa pendidikan inklusif untuk PKU masih jauh dari pencapaian. Oleh itu, semua pihak, lebih-lebih lagi pihak kerajaan dan universiti mempunyai peranan penting dalam campur tangan dan menyokong keterangkuman dalam pendidikan PKU. Hal ini secara tidak langsung membantu PKU untuk mendapatkan akses kepada pendidikan inklusif seperti yang terkandung di dalam seksyen 28, Akta OKU, 2008.

Ringkasnya, PKU di peringkat pengajian tinggi berhadapan dengankekangan akademik, halangan fizikal dan sikap warga universiti. Secara khusus, PKU berkemungkinan menghadapi masalah dalam kehidupan sosial dan imej diri. PKU juga mempunyai masalah dengan persekitaran pendidikan, iaitu keupayaan pengajar untuk menyesuaikan persekitaran yang kondusif dan setara dengan PKU. Akibatnya, pelajar terpaksa menghadapi cabaran berkaitan dengan penyelarasan akademik, yang mempengaruhi perkembangan identiti mereka (Tan, Abdullah, & Shuib, 2019).

Peranan Agama terhadap Pelajar Kurang Upaya

Islam menganggap kewujudan OKU sebagai sebuah kebaikan dan keberkatan. Ianya juga merupakan faktor kepada kewujudan rahmat serta ganjaran Allah swt (Che Di, 2014). Justeru, kajian mengenai hubungan di antara emosi dan motivasi dengan elemen religiositi dalam kalangan PKU mula mendapat perhatian para penyelidik. Sebagai contoh, kajian Ahmad et al. (2017) dan Ahmad Razuan et al. (2019) telah menggunakan elemen pengalaman, teori dan literatur sebagai panduan dalam mengenal pasti isu dan permasalahan yang menjadi jurang kepada PKU di universiti dengan hak dan akses terhadap pendidikan Quran dan Sunnah.

Banyak kajian sebelumnya yang telah mengkaji kesan religiositi terhadap pelbagai bidang. Di antaranya termasuklah kajian Kamil (2002), Torgler (2003), Zainol (2008), Hairunnizam (2012), Kmail et al. (2012), Barizah & Majdi (2010), Rizal, Rusyidi & Fadillah (2013), al-Jaffri (2010), Rahim et al. (2011), Kamil et al. (2011), Kamil et al. (2012), Raihana (2012) dan juga Raihana (2013) (Othman & Fisol, 2017). Menurut kajian yang telah dijalankan oleh Maisarah et al. (2009), Tiliouine et al. (2009) dan Khraim (2010), religiositi memainkan peranan penting dalam mempengaruhi etika dan juga kehidupan seseorang. Manakala hasil kajian oleh Anderson & Costello (2009) mendapatkan bahawa religiositi mempunyai korelasi positif yang signifikan dengan rasa puas akan kehidupan seseorang tersebut. Kajian ini disokong pula oleh keputusan oleh Tiliouine et al. (2009) yang mendapatkan bahawa religiositi meningkatkan kepuasan seseorang terhadap kehidupan (Othman & Fisol, 2017). Justeru, dapat dipahami bahawa PKU yang menekankan religiositi akan lebih redha dalam menghadapi ‘ujian’ yang telah ditentukan buat dirinya.

Islam menawarkan cara hidup yang memberikan panduan yang luas dan khusus kepada umatnya termasuklah bagaimana seseorang itu harus bertingkah laku. Pandangan dunia Islam tidak hanya terhad kepada hal di dunia sahaja tetapi turut meliputi hal akhirat. Kedua-dua dunia ini dilihat sebagai satu entiti yang tidak dapat dipisahkan. Justeru, Islam menggalakkan umatnya untuk berusaha mencapai kejayaan dalam kedua-dua entiti, bukan hanya fokus kepada salah satu sahaja (Krauss, et al., 2005). Seorang Muslim dikehendaki untuk sentiasa tawakkal kepada Allah dalam menjalani kehidupan sehari-hari. Tawakkal di sini tidak bermaksud berserah sepenuhnya kepada Allah tanpa berusaha, namun tawakkal tersebut perlulah disertakan dengan usaha bersungguh-sungguh dan juga diiringi dengan doa. Hal ini menggambarkan betapa pentingnya ajaran agama ataupun religiositi terhadap PKU agar mereka sentiasa sabar dan berlapang dada dalam menghadapi kehidupan dunia.

Namun demikian, perkara ini belum mendapat penekanan yang mencukupi dalam kalangan PKU. Sepertimana ditemukan pada tulisan Razuan et al. (2019), beberapa kajian lain menyatakan bahawa kekurangan bahan bantu mengajar (BBM), aras pengajaran dan penilaian yang kurang sesuai dengan kategori OKU, komunikasi, fasiliti mesra OKU, kesinambungan pembelajaran di rumah dan peranan ibu bapa merupakan faktor yang menjadi kekangan kepada golongan ini dalam memahami ajaran Islam dengan lebih berkesan. Selain itu, kurangnya tumpuan daripada pelbagai pihak terhadap isu OKU dan religiositi, kekangan polisi saiz kelas dan nisbah guru-guru agama (*asatizah*), latihan berterusan bagi *asatizah*, dominasi peranan dakyah daripada dakwah kepada OKU dan isu taklif bagi OKU turut menyumbang kepada skenario pendidikan agama dalam kalangan OKU (Razuan, et al., 2019).

Peranan dan Sokongan Kerajaan serta Agensi Berkaitan

Merujuk kajian-kajian sebelumnya, antara faktor pendorong kepada PKU termasuklah pembelajaran inklusif dan juga keterlibatan pihak universiti sebagai kumpulan sokongan bagi membina hubungan fakulti-pelajar, tidak hanya semasa berada di dalam kelas tetapi juga di luar ruang pembelajaran (Kezar & Maxey, 2014) (Love, et al., 2015) (Hitch, Macfarlane, & Nihill, 2015). Hubungan ini sangat penting kerana semangat kekitaan dapat mengelakkan pelajar daripada keciciran sekaligus mendorong PKU untuk berjaya memperoleh ijazah mereka (Hagenauer & Volet, 2014). Justeru, menjadi tanggungjawab semua pihak bagi memastikan PKU tidak berasa terasing sepanjang keberadaan mereka di mana-mana jua. Di samping itu, sungguhpun terdapat peningkatan akses dan sokongan, tetapi sebilangan besar PKU memerlukan masa yang lebih lama untuk menamatkan pengajian mereka (Erten, 2011) (Rafi, 2021). Hal ini membuktikan bahawa PKU memerlukan program latihan dan sokongan daripada institusi yang terlibat agar golongan ini kekal bermotivasi (Lombardi, Murray, & Gerdes, 2012).

Usaha pada hubungan emosi perlu dijana bagi memupuk motivasi dan keterlibatan para pelajar secara holistik. Pendidikan inklusif bukan sahaja merujuk kepada kurikulum dan penilaian dalam proses pembelajaran, tetapi turut memastikan agar pelajar merasakan diri mereka sebagai ahli komuniti universiti yang bernilai dan sumbangannya dihargai (Hagenauer & Volet, 2014). Oleh itu, rakan sebaya juga dilihat memainkan peranan penting dalam penyertaan sosial PKU seperti menjalankan hubungan rapat dengan kumpulan rakan kuliah dan menyelesaikan tugasan sebagai satu pasukan (Hosshan, Stancliffe, Bonati, & Villeneuve, 2021).

Namun demikian, dapatan keseluruhan Chan et al. (2022) menunjukkan bahawa pendidikan inklusif untuk PKU masih jauh dari target pencapaian. Oleh itu, semua pihak, lebih-lebih lagi pihak kerajaan dan universiti mempunyai peranan penting dalam campur tangan dan menyokong keterangkuman dalam pendidikan PKU. Hal ini secara tidak langsung akan dapat membantu PKU untuk mendapatkan akses kepada pendidikan inklusif seperti yang terkandung di dalam seksyen 28, Akta OKU, 2008.

Pengurusan emosi semasa proses pengajaran dan pembelajaran di universiti merupakan aspek terpenting dalam mengukuhkan kualiti perhubungan sosial di kalangan PKU (Khairuddin, Salleh, & Amin, Supporting Students with Autism in Tertiary Education: Malaysian Lecturers' Views and Experiences, 2020). Pelajar yang disokong secara emosi semasa proses pembelajaran lebih mudah untuk meluahkan perasaan dan buah fikiran (Kordts-Freudinger, 2017). Oleh itu, pengurusan emosi PKU secara berkesan akan mempengaruhi sumber kognitif, strategi dan motivasi pembelajaran (Almarghani & Mijatovic, 2017).

Hal ini mengukuhkan lagi dapatan Klauda and Guthrie (2015) yang mengatakan bahawa terdapat korelasi positif antara motivasi intrinsik dan penglibatan pelajar semasa sesi pembelajaran. Walaupun begitu, Walker and Palacios (2016) berpendapat bahawa sehingga kini, penekanan terhadap kepentingan dimensi sumber kognitif, strategi dan motivasi pembelajaran masih tidak mencukupi. Oleh itu, pihak universiti dan kerajaan yang bertindak sebagai tripartite perlu terlebih dahulu memahami ketidakupayaan yang dialami oleh pelajar dan kakitangan kurang upaya supaya agenda kelestarian pelajar kurang upaya mampu direalisasikan (Nasir & Efendi, 2020).

Seterusnya, wajar bagi pihak IPTA untuk berinisiatif mengadakan program pendidikan dan latihan bagi meningkatkan kesedaran serta sensitiviti pelajar awam agar mereka lebih bersikap positif terhadap golongan PKU. Hal ini akan melahirkan persekitaran yang lebih kondusif untuk PKU. Perkara ini dapat dilaksanakan sebagai contoh dengan mengadakan kursus-kursus am mahupun teras berkaitan halangan-halangan yang dihadapi OKU di tempat kerja dan cara-cara mengatasi isu ini melalui akomodasi dan rekaan-semula tugas (Toran, Mohamad, Yasin, Tahar, & Hamzah, 2010).

Hasil kajian oleh Anderson & Costello (2009) yang mendapati bahawa religiositi mempunyai korelasi positif yang signifikan dengan rasa puas akan kehidupan seseorang. Kajian ini turut disokong pula oleh keputusan oleh Tiliouine et al. (2009) yang mendapati bahawa religiositi meningkatkan kepuasan seseorang terhadap kehidupan (Othman & Fisol, 2017). Justeru, pemahaman agama dalam kalangan PKU perlu dititikberatkan. Hal ini dapat diselesaikan dengan melatih banyak asatizah yang mampu menerapkan amalan religiositi ke dalam diri PKU. Hal ini berikutkan kajian Razuan et al. (2019) yang menyatakan bahawa kurangnya tumpuan daripada pelbagai pihak terhadap isu OKU dan religiositi, kekangan polisi saiz kelas dan nisbah guru-guru agama (*asatizah*), latihan berterusan bagi *asatizah*, dominasi peranan dakyah daripada dakwah kepada OKU dan isu taklif bagi OKU merupakan antara penyumbang kepada skenario kurangnya pendidikan agama dalam kalangan OKU.

Seterusnya, bagi menyelesaikan masalah kekurangan mahupun ketiadaan infrastruktur yang diperlukan oleh PKU, pihak berwajib perlu mengambil tindakan segera agar kehidupan seharian PKU lebih terbantu. Rosli & Sabri (2017) menyenaraikan beberapa infrastruktur mesra PKU yang mana termasuklah laluan ramp khusus untuk PKU bermasalah penglihatan, cecondong untuk PKU fizikal yang berkerusi roda dan *tactical guiding block* iaitu penunjuk jalan bagi pelajar masalah penglihatan. Selain itu, sokongan lain seperti penyediaan lif khusus, kerusi roda, tandas mesra PKU dan tempat letak kereta khas amat membantu PKU itu sendiri. Rosli & Sabri (2017) pula menegaskan bahawa persekitaran yang disediakan oleh pihak universiti perlu menepati garis panduan yang telah ditetapkan oleh *Standards & Industrial Research Institute of Malaysia (SIRIM)* serta Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan bagi memenuhi prospek kemudahan seperti yang dituntut oleh PKU, menjamin keselamatan serta mengurus kebajikan PKU di pusat pengajian tinggi Malaysia (Rosli & Sabri, 2017).

Metodologi

Kajian ini adalah kajian kualitatif berbentuk selektif, deskriptif, keratan rentas yang dijalankan menerusi kaedah temu bual secara mendalam bersama subjek untuk menemukan pendapat serta pemikiran mereka tentang fleksibiliti dan motivasi yang mempengaruhi proses pembelajaran mereka. Instrument kajian serta soalan-soalan temu bual digubal dalam Bahasa Melayu dan akan dijalankan oleh pasukan penyelidik yang akan dilatih bagi menjalankan tinjauan temu bual. Sebelum diaplikasikan kepada peserta temubual, kandungan soal selidik akan disahkan terlebih dahulu oleh pakar panel dalam bidang yang berkaitan untuk memastikan kesesuaian, kejelasan, kesederhanaan, pemahaman serta urutan soalan. Pengubahsuaiannya kepada soal selidik akan dibuat sebelum digunakan dalam tinjauan utama.

Metodologi ini dipilih kerana dilihat dapat membantu mewujudkan hubungan antara penyelidik dan subjek, mengukuhkan hubungan professional melalui hubungan langsung, mengukur minat subjek terhadap topik penyelidikan dan meningkatkan peluang untuk mendapatkan maklumat yang lebih mendalam, yang mana mungkin akan terlepas sekiranya menggunakan

kaedah tinjauan berasaskan dalam talian (Szolnoki & Hoffmann, 2013). Dalam kajian ini, temu bual digunakan kerana dianggap mempunyai kadar tindak balas yang lebih tinggi serta dapat mewujudkan suasana yang selesa untuk responden disebabakan subjek dapat berasa lebih professional dalam berhubung dengan penemuduga.

Sumber rujukan kajian ini adalah sumber primer hasil daripada proses temubual bersama PKU UiTM yang berdaftar dengan Unit Pendaftaran OKU UiTM (UPO). Sampel kajian ini terdiri daripada PKU bermasalah penglihatan, masalah fizikal, masalah pendengaran dan masalah pembelajaran (disleksia). Tiada teknik yang pasti untuk mengira sampel saiz bagi kajian kualitatif (Marshall, Cardon, Poddar, & Fontenot, 2013). Walaubagaimanapun, pengkaji memutuskan bahawa sampel saiz bagi kajian ini adalah 10 orang pelajar (daripada 288 PKU yang berdaftar dengan UPO di seluruh UiTM Malaysia). Temu bual akan mengambil masa antara 45 minit hingga satu jam dan akan dirakam audio dengan persetujuan peserta, untuk membolehkan analisis pada peringkat seterusnya. Persetujuan peserta untuk mengambil bahagian dalam kajian akan dirakam secara audio pada permulaan temu bual.

Sebelumnya, e-mel jemputan untuk mengikuti soal selidik ini akan dihantar kepada semua PKU yang berdaftar dengan UPO. Bersama dengan e-mel tersebut akan dijelaskan mengenai objektif kajian serta isu-isu kerahasiaan yang akan diaplikasikan sepanjang proses temu bual. Sekiranya PKU tidak membalias e-mel jemputan pertama, e-mel peringatan akan dihantar semula selepas tiga minggu dan peringatan terakhir selepas tiga minggu berikutnya. Kegagalan menjawab atau merespon kepada e-mel tersebut menunjukkan ketidaksetujuan untuk ditemubual dan dianggap sebagai enggan untuk mengambil bahagian dalam kajian. Mereka yang bersetuju untuk ikut serta dalam kajian akan diaturkan masa untuk ditemu bual dan diminta untuk melengkapkan borang kebenaran.

Hasil dapatan kajian yang berbentuk data kualitatif akan dianalisis menggunakan analisis tematik. Hasil rakaman audio akan menjalani transkripsi verbatim, pengkodean terbuka dan tertutup lalu diikuti oleh proses pengenalpastian tema. Kesahihan proses pengkodean akan dilaksanakan dengan cara membandingkan kod dan tema yang telah dikenalpasti bersama penyelidik lain.

Dapatan Kajian

Kajian ini bertujuan mengenal pasti sokongan yang diterima serta cabaran yang dihadapi oleh PKU di sebuah institusi pengajian tinggi awam di Malaysia. Isu yang akan menjadi tumpuan adalah yang berkaitan sokongan kemudahan dan infrastruktur, sokongan program pengajaran dan pembelajaran serta sokongan elemen emosi dan motivasi.

Berdasarkan hasil temu bual akan ditemukan cabaran yang dihadapi oleh PKU di IPT, potensi dan halatuju masa depan PKU serta sokongan yang diperlukan oleh mereka demi mencapai kejayaan di IPT.

Kesimpulan

Dalam kajian ini, penulis berusaha untuk menangani objektif asas kajian yaitu untuk mengenal pasti sokongan yang diterima serta cabaran yang dihadapi oleh PKU di sebuah institusi pengajian tinggi awam di Malaysia. Penemuan kajian ini akan menyumbang kepada badan pengetahuan sedia ada dalam bidang berkaitan dan memberikan implikasi yang berharga

untuk industri pendidikan, pihak kerajaan serta badan-badan NGO yang bertanggungjawab dalam urusan berkenaan.

Sungguhpun begitu, adalah penting untuk mengakui potensi had penyelidikan yang mungkin mempengaruhi tafsiran dan penggunaan keputusan dari kajian ini. Pertama, sampel saiz yang kecil berkemungkinan tidak dapat menggambarkan hasil keseluruhan secara menyeluruh, tetapi akan dapat menunjukkan hasil yang lebih terperinci. Kedua, kajian ini berfokus kepada PKU yang berdaftar dengan UPO UiTM sahaja. Justeru, masalah yang dihadapi oleh PKU di IPTA lain belum dapat dikenal pasti. Namun, sungguhpun terdapat beberapa kekangan, kajian ini di sisi lain menekankan kepada keperluan untuk usaha penyelidikan lebih lanjut untuk memperhalusi dan mengesahkan penemuan sekarang.

Disarankan supaya kajian serupa turut dijalankan di semua IPTA dan juga IPT swasta dengan melibatkan semua golongan PKU dari pelbagai kategori. Hal ini demikian demi memastikan hak dan keperluan semua PKU dapat dilaksanakan. Hasil kajian ini diharapkan dapat menyalurkan maklumat mengenai sokongan yang diterima PKU di UiTM untuk menjadi contoh kepada IPTA lain di samping mengenalpasti cabaran yang dihadapi agar usaha ke arah penyelesaian masalah tersebut dapat segera dilaksanakan.

Penulis menjangkakan bahawa penyelidikan masa depan dalam bidang ini akan terus dibina berdasarkan hasil kajian ini. Secara khusus, penulis berharap kajian ini akan memberi manfaat kepada semua pihak, terutamanya bagi golongan PKU di IPTA seluruh Malaysia. Dengan merujuk kajian ini, penyelidik akan datang boleh berusaha untuk mengatasi batasan yang dikenal pasti di sini dan terus memajukan pemahaman berkaitan cabaran yang dihadapi PKU serta sokongan yang diperlukan oleh mereka agar lebih banyak PKU berpendidikan tinggi dapat dilahirkan oleh Malaysia seterusnya mampu menyumbang kepada kemajuan negara.

Penghargaan

Penyelidikan ini dibiayai oleh geran penyelidikan Malaysia Research Assessment (MyRA) No. 600-RMC 5/3GPM (008/2022). Penulis mengucapkan ribuan terima kasih atas sokongan yang diberikan oleh Universiti Teknologi MARA (UiTM) dan rakan-rakan seperjuangan yang memberikan pandangan dan kepakaran yang banyak dalam membantu menyiapkan penyelidikan ini.

Rujukan

- Ahmad, M. N., Rosli, H. F., Takril, N. F., & Sabri, S. A. (2017). Penyediaan Fasiliti Orang Kurang Upaya (OKU) di Institusi Pengajian Tinggi di Lembah Klang: Satu Kajian Kes. *Paper presented at the Proceeding–2nd Putrajaya International Conference on Children, Women, Elderly and Disabled People (PICCWED2)*.
- Ahmad, S. M. (2006). *Psikologi Kanak-kanak*. Selangor: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Almarghani, E. M., & Mijatovic, I. (2017). Factors Affecting Student Engagement in HEIs - It Is All About Good Teaching. *Teaching in Higher Education*, 22(8), 940-956.
- Anuar, A., Aren, M., Ghazali, N. M., Aden, E., & Yahya, F. (2018). Accommodating Students with Disabilities in Higher Education: Rehabilitation Counseling Perspectives. *International Journal of Academic Research in Business & Social Sciences*, 167-169.

- Chan, C. C., Yusof, Y., Saad, Z. M., Ramli, F. Z., & Hillaluddin, A. H. (2022). Physical Accessibility in Malaysian Higher Educational Institutions: Voices of Students with Disabilities. *International Social Work*.
- Che Di, N. F. (2014). Interaksi Rasulullah SAW Bersama Orang Kelainan Upaya (OKU) : Kajian Layanan Terhadap Mahasiswa Kelainan Upaya di Universiti Malaya. *Disertasi: University of Malaya*.
- Erten, O. (2011). Facing Challenges: Experiences of Young Women with Disabilities Attending a Canadian University. *Journal of Postsecondary Education and Disability*, 24, 101-114.
- Gibson, S. (2014). When Rights are Not Enough: What is? Moving Towards New Pedagogy for Inclusive Education within UK Universities. *International Journal of Inclusive Education*, 19(8), 875-886.
- Hagenauer, G., & Volet, S. E. (2014). Teacher-Student Relationship at University: An Important yet Under-researched Field. *Oxford Review of Education*, 40(3), 370-388.
- Heiman, T. (2006). Social Support Networks, Stress, Sense of Coherence and Academic Success of University Students with Learning Disabilities. *Social Psychology of Education*, 461-478.
- Hitch, D., Macfarlane, S., & Nihill, C. (2015). Inclusive Pedagogy in Australian Universities: A Review of Current Policies and Professional Development Activities. *Journal Contribution*, 6(1), 135-145.
- Hosshan, H., Stancliffe, R. J., Bonati, M. L., & Villeneuve, M. (2021). Peer-seating Groups and Social Participation by Students with Learning Disabilities in Full-inclusion in Malaysian Secondary Schools. *International Journal of Inclusive Education*.
- Idris, N. H., Bakhtiar, N. A., & Ishak, M. I. (2021). Travel Time Patterns of Students with Special Needs to Special Education Integrated Program-based Schools in Johor Bahru, Malaysia: An Initial Finding. *International Journal of Geospatial and Environmental Research*, 8, 1-24.
- Kezar, A., & Maxey, D. (2014). Faculty Matter: So Why Doesn't Everyone Think So? *Thought & Action*, 29-44.
- Khairuddin, K. F. (2018). The Inclusion of Deaf Children in Malaysian Primary Schools: Experiences of Parents, Staff Members and Children. *Faculty of Humanities University of Manchester*.
- Khairuddin, K. F., Salleh, S. d., & Amin, A. S. (2020). Supporting Students with Autism in Tertiary Education: Malaysian Lecturers' Views and Experiences. *Universal Journal of Education Research*, 8(11A), 1-8.
- Kordts-Freudinger, R. (2017). Feel, Think, Teach-Emotional Underpinnings of Approaches to Teaching in Higher Education. *International Journal of Higher Education*, 6(1), 217-229.
- Krauss, S. E., Suandi, A. H., Noah, S. M., Mastor, K. A., Juhari, R., Kassan, H., . . . Manap, J. (2005). The Muslim Religiosity-Personality Measurement Inventory (MRPI)'s Religiosity Measurement Model: Towards Filling the Gaps in Religiosity Research on Muslims. *Pertanika Journal of Science & Humanities*, 13(2), 131-146.
- Leyser , Y., & Greenberger, L. (2008). College Students with Disabilities in Teacher Education: Faculty Attitudes and Practices. *European Journal of Special Needs Education*, 23(3), 237-251.
- Lombardi, A. R., Murray, C., & Gerdes, H. (2012). Academic Performance of First-Generation College Students with Disabilities. *Journal of College Student Development*, 811-826.

- Love, T. S., Kreiser, N., Camargo, E., Grubbs, M. E., Kim, E. J., Burge, P. L., & Culver, S. M. (2015). STEM Faculty Experiences with Students with Disabilities at a Land Grant Institution. *Journal of Education and Training Studies*, 3(1), 27-38.
- Marshall, B., Cardon, P., Poddar, A., & Fontenot, R. (2013). Does Sample Size Matter in Qualitative Research?: A Review of Qualitative Interviews in IS Research. *Journal of Computer Information Systems*, 54(1), 11-22.
- Nasir, M. N., & Efendi, A. (2020). "If You Don't Fall Into a Drain, You Can't Graduate!" Disabled Malaysians in Higher Education Sector. *International Journal for Studies*.
- Othman, Y., & Fisol, W. M. (2017). Islamic Religiosity, Attitude and Moral Obligation on Intention of Zakat Compliance: Evidence from Public Educators in Kedah. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 7(2), 726-737.
- Rafi, N. B. (2021). Menilai Fasiliti Orang Kelainan Upaya (OKU) yang Disediakan di Universiti Teknologi Mara Kampus Shah Alam. *Disertasi Pengajian Pengurusan Fasiliti Jabatan Kejuruteraan Awam Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah*.
- Razuan, S. A., Raus, N. M., Hashim, M., Rasdi, M. A., Yusoff, A. M., Ja'afar, N., & Muhamad, N. F. (2019). Pendidikan al-Quran bagi OKU: Pengalaman Pusat Penyelidikan Ibnu Ummi Maktum (UMMI). *Journal of Islamic Social Sciences and Humanities*, 20(2).
- Rosli, H. F., & Sabri, S. A. (2017). Halangan Fasiliti Pelajar Orang Kurang Upaya (OKU) di Institusi Pengajian Tinggi di Lembah Klang. *International Journal for Studies on Children, Women, Eldery and Disabled*, 2, 94-99.
- Saadi, Z., & Ali, M. M. (2008). Kesediaan danenerimaan Para Pengajar Terhadap Mahasiswa/Mahasiswi Berkeperluan Khas di Institusi Pengajian Tinggi. *Fakultai Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia*.
- Sabri, S. A., Rosli, H. F., & Takril, N. F. (2018). Keperluan Pelajar Orang Kurang Upaya (OKU) di Institusi Pengajian Tinggi. *International Research Management & Innovation Conference*.
- Szolnoki, G., & Hoffmann, D. (2013). Online, Face-to-face and Telephone Surveys - Comparing Different Sampling Methods in Wine Consumer Research. *Wine Economics and Policy*, 2(2), 57-66.
- Tahir, Z., Thambapillary, S., Yusoff, J. Z., & Rahman, A. S. (2020). Undang-undang Berkenaan orang Kurang Upaya: Satu Analisis Perkembangan Perundungan di Malaysia. *The Malaysian Journal of Social Administration*, 14(1), 96-114.
- Tan, C., Abdullah, M. N., & Shuib, M. (2019). Policies and Practices Governing Disability in Malaysia's Higher Education: A Comparison with England and Australia. *Journal of International and Comparative Education*, 8(2).
- Toran , H., Yasin, M. M., Tahar, M. M., & Sujak, N. (2009). Sokongan dan Halangan yang Dihadapi Pelajar-pelajar Kurang Upaya di Sebuah Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia. *ASEAN Journal of Teaching and Learning in Higher Education*, 1(2), 18-29.
- Toran, H., Mohamad, T. A., Yasin, M. M., Tahar, M. M., & Hamzah, N. H. (2010). Pengetahuan dan Sikap Rakan Sebaya Terhadap Pelajar Kurang Upaya di Sebuah IPTA di Malaysia. *AJTLHE: ASEAN Journal of Teaching and Learning in Higher Education*, 2(3), 22-34.